

BAHASA, BUDAYA & WARISAN KITA

Muzik tradisional banggaan bangsa

Bentuk seni yang
rakam sejarah,
didik masyarakat
dan satukan
komuniti



DR AZHAR IBRAHIM

Penulis ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura. Beliau juga Naib Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura, selain Ketua Perwakilan Master, Singapura. Dr Azhar antara panel penulis yang diundang khas Berita Minggu (BM) untuk mengupas isu bahasa, budaya dan warisan.

Keistimewaan muzik dalam kehidupan manusia sudah banyak terkandung.

Muzik menghibur dengan menghembuskan alunan jiwa, menyentuh sanubari di kala suka dan duka, menghirup kenangan serta ketenangan.

Muzik menjadi perwakilan budaya bangsa yang sangat dibangga dan wajar diutamakan.

Muzik juga mendendangkan sejarah bangsa, bukan dalam bentuk fakta tetapi dalam alunan kolektif.

La membunyikan rentak paluan sesuatu budaya dan bangsa, dengan gaya dan lengkok dari segi merdu suara.

Betapa banyak muzik yang menghibur, ada juga muzik yang mendidik, memperkasakan dan menjadi kebanggaan pada identiti sesuatu kelompok atau masyarakat.

Setiap masyarakat dunia pasti bangga dengan seni muzik lamanya.

Kadang ia disebut muzik klasik, kadang pula muzik tradisional.

Apabila muzik mengemuka indah, dinyanyikan oleh bidadari dengan megah, ia akan menjadi suatu ciptaan seni budaya yang unggul.

Mohd Zain Hamzah dalam bukunya, *Pengolahan Muzik dan Tari Melayu*, (1961) menyimpulkan:

“Muzik didapati memainkan peranan penting dalam pembentukan kerohanian serta kejasmanian manusia.

“Dari lagu dan nyanyian dapat ditentukan aliran kehidupan sesuatu masyarakat dan ini haruslah diambil perhatian oleh umum”.

Lafaz seni yang tinggi yang ada pada muzik menjadikan ia bidang seni yang unik.

Menghasilkan sebuah lagu, perlu ada kepandaian ahli memainkan alat muzik, perlu ada penyanyi yang bukan sahaja dianugerah dengan bakat suara, tetapi juga peka dengan rentak dan alunan.

Belum lagi pengarang lagu atau komposer, yang pandai membuat lirik selain menyusun dan mengubah lagu.

Bayangkanlah sahaja kehidupan ini tanpa muzik.

Kebudayaan kita tidak akan mengemuka dan lagu suara anak bangsa tidak dapat beralun mengikut rentak zaman.

MUZIK KITA LAPISAN BUDAYA

Dalam tradisi muzik Melayu, ia merangkumi asli, dandang sayang, zapin dan ghazal, serta lagu-lagu Melayu ala kasidah.

Kemudian ia ditambah dandang dan keroncong.

Begitulah rentak muzik Melayu. Bayangkan bangsa kita terduduk dengan rentak lagu yang keistimewaan berunsur Melayu pantai timur, Jawa dan Siam.

Kemudian dandang sayang hasil budaya Selat yang rencam, dengan ghazal Melayu ala-ala India utara dan Parsi.

Rentak zapin dengan alunan Timur Tengah, termasuklah kasidah dan nasid.

Belum lagi dandang yang dihiasi lagu cengkok Melayu dengan rentak ala Hindustan.

Sampai pula keroncong yang iramanya beralunan Polinesia dan seantero Nusantara.

Dari dunia muzik kita, dapat kita jejak rentak alunan yang berbeza dan setiap satu memperlihatkan kemampuan budaya kita yang meresap dan menggilap unsur luar dan dalam.

Jenis muzik datang dan pergi.

Namun lagu tradisional tetap bertahan, dianggap ‘klasik’ dan wajar dipelihara.

Dari muzik tradisional, sesebuah masyarakat itu boleh kita menjejak sejarah budaya yang telah dilalui, tingkat kesenian yang telah dicapai dan bagaimana pertembungan dan penyaduran budaya berlangsung.

Kita adalah bangsa kepulauan (*archipelagic nation*) yang melalui banyak lapikan sejarah dan pengaruh luar dan dalam, yang masuk tersulam dan saling bertindih, sehingga terjadi ciptaan budaya yang tersendiri.

Muzik tradisional memberi kita memori sejarah, yakni memori bangsa kita.

Ia juga memperlihatkan sisi kebijaksanaan budaya.

Dalam pengalaman sejarah kebudayaan kita yang kaya, rentak alunan atau jenis lagu sudah dapat kita jejak akan asal-muasal muzik dan lagunya.

Dalam masyarakat tradisional, pastinya sudah ada muzik bergandingan dalam upacara dan keramaian.

Dalam tradisi lisan ada disebut, ‘dipukul tabuh larangan, ditihi canang pemanggil, dipalu gendang pelauang’.

Hang Tuah dibayangkan dalam ‘Hikayat

MEMPERJUANG MUZIK TRADISIONAL MELAYU

Seni muzik tradisional harus dipelihara dan digemakan terus. Seni muzik bukan saja untuk dinikmati, tetapi juga mengilhami. Begitulah yang ada pada seni muzik, khasnya yang tradisional. Muzik sesungguhnya boleh merawati kenangan, mendampingi kita sewaktu meratapi kehilangan, atau merasai pengalaman... Khazanah muzik tradisional kita, dengan pantun madahnya yang berkilau, adalah perpanjangan dari kepujangan bangsa kita.

– Penulis.



Allahyarham Tan Sri Sheikh Salim Sheikh Mohamad Al Mahros, atau dikenali sebagai SM Salim, seorang bidadari yang sinonim dengan lagu tradisional Melayu. – Foto fail

Alat muzik tradisional Melayu. – Foto BERNAMA

Hang Tuah’ sebagai seorang pahlawan yang pandai menari dan pandai berbahasa.

Hang Jebat, saterai yang juga pandai melantun syair, yakni bernyanyi.

Dalam konteks masyarakat majmuk, apabila dimainkan muzik tradisional ia sekaligus menjadi penanda dan wakil untuk bangsa dan budaya kita.

Apabila ada mainan muzik yang mewakili budaya kita, pastilah kita jadi bangga.

TAKRIFAN MUZIK MELAYU

Yang dimaksudkan dengan lagu tradisional adalah jenis muzik dan lagu yang bisa bercirikan berikut:

(a) lagu-lagu yang disuil dan didirikkan rakyat, yang umumnya dipertuturkan secara lisan;

(b) lagu dan muzik yang dimainkan dalam istana.

Muzik istana yang dikhaskan kepada kaum kerabat dan orang-orang bangsawan di istana mempunyai ciri-ciri yang halus, tertib dan bersopan, sementara muzik dan lagu rakyat pula kasar dan menggambarkan emosi yang secekok dengan rakyat biasa, iaitu adakala serius itu keterlaluan riuh dan adakala serius seperti upacara perubatan”.

Muzik di istana, dengan gamelan dan nobat, memperlihatkan unsur budaya awal yang kuat dengan pengaruh atau unsur dari India, Jawa dan Siam.

Iringan nobat khasnya dilakukan untuk upacara istana.

Begitu juga bunyian gamelan.

Dari lirik pantun yang dibawakan dalam lagu asli, zapin dan ghazal Melayu, boleh kita keni mutu bahasa yang tinggi, siap dengan perlambangan dan pesanan yang halus.

Sebenarnya apa yang kita sebut dan dengar sebagai ‘muzik tradisional’ lahir atau diciptakan di era moden, semakin bercambah dan dengan terbangunnya opera bangsawan dan perfileman Melayu, seni muzik tradisional Melayu, berkembang dan menyebar.

Muzik yang kita anggap klasik sebenarnya adalah ciptaan zaman ini, yakni era perfileman Melayu yang berpusat di Singapura.

Gurindam Jawa yang dinyanyikan dalam filem dengan judul yang sama, dianggap sebagai ‘lagu klasik’ dan dinyanyikan di serata alam Melayu.

Lagu ini dinyanyikan oleh Rafeah Buang dan R Ismail.

Lirik oleh Hamzah Hussain dan lagu digubah Wandly Yazid.

Apapun, muzik tradisional bukan sahaja

memperteguh identiti kita sebagai satu bangsa, tetapi juga menguatkan keterikatan kita dengan dunia Nusantara.

Dengan muzik tradisional, acara kebudayaan kita hari ini bergema halus dengan selingan dandang.

Sering kali juga dalam acara perkahwinan, lagu-lagu tradisional berkumandang.

Menarik dalam majlis perkahwinan Melayu, berbagai muzik dimainkan, dari moden ke tradisional, termasuk lagu Melayu-Indonesia, Hindustan, Inggeris dan Arab.

Ini sekaligus menggambarkan selera budaya dalam masyarakat Melayu.

MUZIK MEMBUDAYA MASYARAKAT

Apabila ada suatu lagu yang indah berkumandang, kita pasti tergeletak girang, malah terukis kenangan.

Kadang juga kita mendengar lagu-lagu yang sedih sehingga terlempas duka yang tertanggung.

Kita boleh terubut olehnya. Pasti juga ada lagu yang nada dan liriknya boleh menginsafkan.

Lagu nyanyian Tan Sri SM Salim, *Tak Seindah Wajah* dengan alunan Melayu tradisional, menyemat madah pesanan yang berharaga:

“Kusangka aur di pinggir tebing
Kiranya tebu di pinggir bibir
Kusangka jurur pancaran batin
Rupanya palsu penghias zahir
Kukira hati jiwa nurani
Suci seindah wajah terbayang
Kukira puji seikhlas budi
Kulupa lidah tidak bertulang.”

Banyak lagu tradisional yang liriknya pantun, memuatkan pembayang tentang alam, tempat dan orang, selain pesan yang disemat dalam maksud pantun itu.

Lagu Melayu asli dengan lirik pantunnya, banyak menyebut tempat, perjalanan dalam rantau ini, orang yang hidup di sekeliling kita dan nama tokoh terbilang dan peristiwa yang dibalang-bilang.

Dalam banyak lagu-lagu ghazal Johor, penggambaran nama-nama daerah sering kedengaran. Dalam lagu *Seri Mersing*, dandang-an Kamariah Noor:

“Seri Mersing dandang yang lama,
Digubah oleh anak Melayu;
Alangkah sedih menderita pilu,
Umpamalah kaca terhempas ke batu.
Pantai Mersing Kuala Johor,
Pantainya bersih sudah mahsyur;
Hati runsing dapat dihibur,
Putah di hati jiwa terkubur.”

Begitulah nama tempat dan ruang Nusantara yang cuba dibayangkan.

Dalam lagu *Seri Andalas*, lagu yang dibawa oleh Enah Yon rasa kehilangan dan kepasrahan terbalut dengan kiasan yang sangat kuat.

Perhatikan pantun yang cantik perumpamaannya:

“Dari Andalas ke Kota Ambon
Singgah berlabuh di Surabaya

Kasih ibarat setitis embun
Ditiup angin berderai-dia
Dari Andalas ke Tanjung Puri
Hendak membeli si asam payu
Jangan dikejar gunung berlari
Hilang kabus hai nampaklah dia.”

Dari pantun yang terlagu ini, peta Nusantara terhampar.

Namun yang lebih penting pedoman yang dititipkan iaitu, ‘usah dikejar gunung kerana tidak akan ia lari’.

MUZIK MEMBUANA BAHASA

Muzik Melayu, khasnya langgam tradisional dapat meneguhkannya literasi bahasa dan budaya.

Dari muzik tradisional, gaya dan rencam budaya Melayu diperkenalkan.

Muzik tradisional boleh menghidupkan bahasa, malah menitip pesan dan hikmah berbudi.

Fahamkanlah lagu *Gunong Banang* oleh R Ismail:

“Jangan ditempah datang pesona
Akibat nanti timbul bencana
Jagalah sifat masa remaja
Binalah lagu supaya sempurna
Hidup sebagai air di pantai
Ombak berderai tiada berkesan
Berpada pada jika berbudi
Ibarat air di daun keladi.”

Dengan membiasakan anak-anak mendengar lagu tradisional, mereka didedahkan dengan pantun serta ungkapan yang berseni.

Pendidikan bahasa tanpa unsur budaya adalah pelatihan bertubi yang hanya boleh menjadi pendidikan berasaskan peperiksaan atau *exam-oriented*.

Ertinya bahasa tidak dapat dijiwai dalam diri anak-anak.

Makna literasi itu sendiri wajar diperluas dalam pendidikan moden ini.

Literasi pada seni muzik boleh membuka jalan kepada literasi bahasa dan budaya.

Selagi suasana budaya ada dan dijaga, bahasa akan bersemarak sihat.

Budaya yang hidup menjamin bahasa yang hidup.

Seni muzik sebagai suatu komponen budaya maknanya, dapat menjadi pemangkin dan pengembang bahasa.

Siswa sastera Melayu klasik pun harus diberikan pendedahan kepada muzik tradisional.

Orkes Melayu yang berkembang di Sumatera, juga menghasilkan banyak lagu-lagu yang iramanya mirip dengan lagu-lagu Melayu tradisional yang disejajarkan dengan alunan kasidah.

Perhatikan beberapa kerat dari lagu *Menuju Pulau* karangan Ahmad Baqi, yang dibawakan oleh El-Suraya, dari Medan.

“Sudahku cuba pergi berkayuh
Mencari pulau tempat berhenti
Kuala dituju bertambah jauh
Ombak dan badai pula menanti
Biarlah aku dihempas badai
Sudahpun begitu suratan takdir

Karena aku memang tak pandai
Bertanam tebu di atas bibir

Pintaku wahai teman di kampung
Kehilangan ku jangan ratapi

Bila mayatku hanyut terapung
Mohonku ombak bawa ke tepi.”

Nilai sastera dan perlambangan yang ada pada lagu sebegini memperlihatkan kemampuan ungkapan yang puitis lagi tragis.

Betapa barisan akhir liriknya adalah “diriku ini sudah biasa timbunan ratapan air mata”.

MUZIK BERI IMAGINASI BUDAYA

Dari langgam alunan dan rentak, serta lirik lagu yang sering puitis, terpadu dalam suara bidadari atau penyanyi, lahir satu ciptaan budaya yang punya daya tahan itu disimpan lama.

Filem lakonan seniman agung yang diserikan dengan lagu-lagu, menjadi kenangan besar, sehingga lagu-lagu tersenarai sebagai lagu-lagu klasik.

Membangunkan muzik tradisional adalah salah satu cara untuk memperkukuh warisan budaya.

Tarian Melayu tradisional pastinya bergantung kepada muzik Melayu tradisional.

Pengucapan budaya yang estetik harusnya kita dukung dan tampung.

Muzik Melayu tradisional yang seni katanya banyak daripada pantun atau madah ungkapan yang berlinkir, bukan sahaja dapat menghibur tetapi juga mendidik.

Perlambangan dan maksud dalam pantun dan madah ini, adalah cara terbaik untuk memperturunkan idea dan pemikiran.

MEMBANGUN DAN MENGEMBANGKAN

Muzik bukan sahaja harus diasah dan dimainkan, tetapi juga perlu terus dicipta, dirakam dan diputarkan.

Namun itu masih belum mencukupi.

Ia mesti diwujudkan agar awam boleh mengetahui sejarah, kesenian dan kemasyarakatan dalam muzik kita.

Wacana dapat menggerakkan kepada kajian dan penyebaran dan paling penting, pendidikan.

Malah lebih banyak anak bangsa yang harus mendapat pendedahan dan sebilangan anak muda seharusnya dapat ditajarkan belajar muzik tradisional.

Repertoire muzik tradisional harus tampil lebih sering dalam masyarakat.

Syukur di Singapura, sejak dari awal, kita mempunyai beberapa kumpulan orkes tradisional Melayu.

Sri Mahligai yang diasaskan pada 2000 menjadi orkes yang bergerak secara komersial dengan mengambil para pemuzik secara profesional.

Acara Gemadah yang bergema di Esplanade pada 6 hingga 7 Februari lalu menyajikan beberapa acara berbentuk bengkel, ceramah, persembahan muzik Melayu tradisional.

Acara sebegini sangat bermanfaat kerana ia dapat memperkenalkan peminat muzik dengan para pemain muzik tradisional Melayu, termasuk alat muzik, pemuzik veteran dan lagu-lagu malar segar.

WACANA MUZIK TEGUHKAN FAHAMAN

Pemahaman yang mendalam dapat dikuatirkan oleh pendidikan dan wacana seni, baik secara formal, mahupun dalam sosialisasi masyarakat.

Sekolah seni harus menyusun kurikulum seni di mana siswa boleh dilatih dengan asas muzik tradisional, bukan sahaja menguasai secara teknikal, tetapi juga terlekat kebanggaan kepada khazanah budaya.

Malah dalam kalangan penggiat tarian Melayu, sangat penting untuk mengenali muzik tradisional Melayu.

Begitu juga mereka yang berkecimpung dengan teater Melayu, khasnya genre bangsawan dan makyong.

Seni muzik tradisional harus dipelihara dan digemakan terus.

Seni muzik bukan sahaja untuk dinikmati, tetapi juga mengilhami.

Begitulah yang ada pada seni muzik, khasnya yang tradisional.

Muzik sesungguhnya boleh merawati kenangan, mendampingi kita sewaktu meratapi kehilangan, atau merasai pengalaman.

Begitulah yang pernah tersemat dalam puisi Roestam Effendi, dalam puisi berlinkirnya, *Lagu*.

Antara baitnya yang berbunyi:

“Aduh lagu serunai jantung
Susunan ombak bualan hati
Pelepas desakan jika terkandung
Penghanyutkan kesal menanamkan hati
Wahai lagu buaian sedih
Penglipur lara orang yang masygul
Pelupa kenangan yang perih-perih
Pemadamkan api jika membulat
Amboi lagu pengobat luka
Berapa banyak sakit kau obat
Tolonglah bubihi gahru di dada
Peluputkan luka yang sangat sebat.”

Muzik tradisional menjadi wadah dan ranah untuk kita yang mencari penglipuran jiwa.

Khazanah muzik tradisional kita, dengan pantun madahnya yang berkilau, adalah perpanjangan dari kepujangan bangsa kita.

Sebagaimana yang diserukan oleh Roestam, “Aduh lagu serunai jantung/Susunan ombak bualan hati.”

Begitulah lagu-lagu tradisional yang terus beralun dalam sanubari kita. Dendangkanlah ia terus.